

PEMATUHAN GARIS PANDUAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA (SKM):

PENGURUSAN DAN AKTIVITI PERNIAGAAN KOPERASI

SITI MAIMUNAH JERNI

ZAIB MAT YUNUS

YUSNITA OTHMAN

NOOR SHAFEEZA ZAINUDDIN

DISEMBER 2015

RINGKASAN EKSEKUTIF

Dasar Koperasi Negara (DKN), 2011-2020 telah menggariskan lima Teras Strategik bagi memacu sektor koperasi sebagai sektor yang penting dalam ekonomi negara. Antara teras strategik tersebut termasuklah teras yang ke lima yang memberi tumpuan kepada strategi memperkuuhkan koperasi melalui seliaan dan penguatkuasaan berkesan. Pengawalseliaan dan penguatkuasaan ke atas koperasi telah ditambah baik melalui arahan, garis panduan, surat pekeliling atau notis kepada koperasi yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Ini selaras dengan Seksyen 86 Akta Koperasi 1993, iaitu memberi kuasa kepada Suruhajaya Koperasi Malaysia (SKM) sebagai pendaftar koperasi membuat segala peraturan, perintah, arahan, garis panduan , surat pekeliling dan notis. Pemantapan integriti ini telah dizahirkan melalui 25 Garis Panduan SKM yang telah dikeluarkan sehingga Disember 2014.

Kajian ini penting kerana ia dapat membantu pembuat dasar atau polisi di SKM untuk memperbaiki dan membuat semakan semula ke atas Garis Panduan yang dikeluarkan. Hasil kajian yang telah dianalisa daripada borang soal selidik boleh dijadikan panduan pada entiti yang berkaitan; sekaligus dijadikan asas pertimbangan penggubal dasar dalam menyediakan persekitaran kondusif bagi memantapkan lagi integriti dan tadbir urus dalam gerakan koperasi. Selain itu, kajian ini juga penting kepada Maktab Koperasi Malaysia (MKM) sebagai peneraju dalam bidang pendidikan, latihan dan pembangunan modal insan koperasi

dalam merangka dan menyediakan program latihan yang bersesuaian kepada gerakan koperasi.

Kajian ini secara khasnya bertujuan untuk mengenalpasti profil responden dan koperasi Tier I dan Tier II. Kesedaran koperasi terhadap wujudnya garis panduan yang dikeluarkan oleh SKM juga antara tujuan kajian ini dijalankan. Kajian ini juga akan mengenalpasti tahap pematuhan koperasi kepada garis panduan SKM pengurusan, kredit, Ar-Rahnu dan Subsidiari. Selain itu, kajian ini juga akan mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh koperasi kategori Tier I dan Tier II serta membangunkan satu model faktor-faktor yang mendorong pematuhan Garis Panduan SKM oleh koperasi. Sebanyak 10 garis panduan koperasi dijadikan rujukan utama bagi mengenalpasti tahap kepatuhan dan ketidakpatuhan koperasi kepada garis panduan SKM ini. Garis panduan tersebut termasuklah lima garis panduan berkenaan dengan pengurusan, tiga berkenaan dengan kredit, dan masing masing satu berkenaan dengan Ar-Rahnu dan subsidiari.

Sebanyak 35 koperasi telah dipilih sebagai sampel kajian. Pemilihan sampel kajian ini adalah berdasarkan kepada senarai koperasi yang tergolong dalam koperasi Tier I dan Tier II yang dikategorikan oleh pihak SKM. Ini kerana koperasi yang berada dibawah koperasi Tier I dan Tier II adalah koperasi yang berisiko tinggi dan memberi impak yang besar kepada gerakan koperasi sekiranya sesuatu terjadi kepada koperasi berkenaan. Pemilihan sampel ini juga adalah dari saranan pihak SKM yang ingin melihat koperasi berkenaan mengamalkan integriti dan kepatuhan yang tinggi dalam pengurusan dan aktiviti yang dikendalikannya.

Skop kajian adalah 35 koperasi yang dikategorikan sebagai Koperasi Tier I dan Tier II. Responden kajian ini terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi (ALK), Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD), Pengurus Koperasi dan juga kakitangan koperasi yang terlibat dalam pengurusan, pentadbiran dan perniagaan koperasi. Seramai 70 orang responden telah dikenalpasti bagi tujuan kajian ini dan mereka dikehendaki menjawab soal selidik yang telah disediakan beserta temu bual bersemuka antara penyelidik dan responden.

Soal selidik yang dibangunkan merangkumi lima set soal selidik berstruktur dimana setiap satu set soal selidik dengan kumpulan sasaran tertentu dan matlamat yang berlainan. Set soal selidik ini dibahagi kepada dua iaitu set berkenaan dengan tadbir urus dan pengurusan serta aktiviti perniagaan koperasi.

Daripada kajian yang dijalankan, menunjukkan profil koperasi responden adalah koperasi yang berdaftar melebihi 21 tahun dan keatas. Sebanyak 20 koperasi daripada kategori Tier I dan Tier II adalah koperasi dengan fungsi Kredit/kewangan. Ini diikuti sebanyak lima koperasi yang menjalankan aktiviti pertanian.

Kajian juga mendapati demografi responden antara ALK dan JAD tidak mempunyai perbezaan yang ketara. Seramai 24 orang responden adalah ALK dan 33 orang adalah JAD. Daripada keseluruhannya, didapati koperasi Tier I dan Tier II adalah golongan lelaki dimana majoritinya berada dalam pengurusan dan pentadbiran iaitu seramai 61 orang. Ini memberi gambaran bahawa pengurusan dan pentadbiran koperasi dalam kategori ini dimonopoli oleh kaum lelaki yang kebanyakannya membuat keputusan di koperasi.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa responden adalah berumur 51 tahun dan ke atas yang mewakili seramai 23 orang. Ini membuktikan bahawa mereka yang membuat sebarang keputusan di koperasi, mereka yang mempunyai pengalaman yang luas dan mempunyai banyak pengetahuan berkenaan dengan koperasi dan perniagaan.

Hasil kajian juga menunjukkan daripada 35 koperasi yang dianalisis, sebanyak 13 koperasi yang patuh sepenuhnya garis panduan yang dikategorikan dibawah pengurusan koperasi, manakala 22 lagi gagal mematuhi garis panduan tersebut. Ketidakpatuhan ini kebanyakannya berlaku ke atas Garis Panduan 14, iaitu berkaitan Pengurusan Mesyuarat Agung Koperasi, Garis Panduan 4, iaitu panduan pelantikan dan fungsi JAD, Garis Panduan 3, berkenaan perlantikan dan perlantikan semula ALK serta Garis Panduan 26, iaitu Garis Panduan Juruaudit yang diberi kelulusan mengaudit koperasi dibawah subseksyen 61 (1) Akta Koperasi 1993.

Dalam aktiviti kredit/kewangan pula, kajian menunjukkan 28 (80%) koperasi terlibat dengan aktiviti kredit/kewangan. Sebanyak tujuh koperasi gagal mematuhi peruntukan dalam GP 6, dan 17 buah koperasi gagal mematuhi komponen didalam Garis Panduan 7 SKM. Bagi memperkemaskan lagi pengendalian pemberian pinjaman kepada anggota dan koperasi, SKM telah mengeluarkan GP 7A bagi membendung masalah pinjaman dan peningkatan keberhutangan isi rumah. Hasil kajian mendapati sebanyak 11 koperasi gagal mematuhi peruntukan didalam GP 7A ini.

Kajian juga mendapati antara cabaran penting yang dihadapi oleh koperasi dalam mematuhi sesuatu peruntukan atau garis panduan koperasi yang dikeluarkan oleh SKM termasuklah kecekapan proses dari pihak SKM, rangka kerja kawal selia GP, penyebaran maklumat, ketelusan maklumat, penghukuman dan tanggungjawab lembaga itu sendiri.

Di bahagian akhir kajian ini, beberapa cadangan yang signifikan juga telah diperoleh daripada responden untuk penambahbaikan dan pemantapan garis panduan yang dikeluarkan oleh SKM. Antaranya termasuklah penambahbaikan kandungan GP, pencegahan dan penguatkuasaan, komunikasi dan penerangan kandungan GP kepada koperasi, program latihan dan pendidikan kepada koperasi dan pegawai SKM, pemantauan dan kawal selia serta mekanisma maklumbalas berkenaan dengan GP. Kesemua ini akan dapat membantu koperasi dari segi pematuhan sepenuhnya kepada garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak SKM.